

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
Sent: Wednesday, 11 January, 2017 3:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Dr. Abd. Rahim b. Jaguli; Jauriyah bt. Shamsuddin; Dr. Abdul Rahman b. Jaaffar; Fadzil Bin Mohd Husin
Subject: MAJLIS SUAIKENAL DAN PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE

Universiti Utara Malaysia

11 JANUARI 2017 / 12 RABIULAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

MAJLIS SUAIKENAL DAN PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN



CEDI ONLINE : Majlis Suaikenal dan Penyampaian Watikah Pelantikan Timbalan Pengarah dan Penyelaras di Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) UUM telah diadakan pada 11 Januari 2017, Rabu bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI).

Dua (2) orang Timbalan Pengarah baru yang dilantik ialah Dr. Abd. Rahim Jaguli, Pensyarah Kanan dari UUM COLGIS yang akan mengetuai Unit Pasca Siswazah, Penyelidikan dan Penerbitan manakala Dr. Jauriyah Shamsuddin, Penyarah Kanan dari UUM COB pula akan mengetuai Unit Latihan dan Perundingan. Dr Jauriyah tidak dapat bersama-sama di dalam majlis tersebut kerana sedang mengerjakan ibadah umrah di Tanah Suci, Mekah.

Sementara itu, En. Fadzil Mohd Husin, pensyarah dari UUM COB disambung pelantikan sebagai Penyelaras Kursus Ejen Kastam (KEK) manakala Dr. Abdul Rahman Jaaffar, Pensyarah Kanan UUM COB turut dilantik sebagai Penyelaras Enactus. Penyampaian watikah perlantikan disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif CEDI yang baru iaitu Yang Berusaha Dr. Mohd Najib Mansor dalam suasana yang harmonis.

Pengarah CEDI turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Timbalan Pengarah dan Penyelaras yang dilantik dan berharap dengan sokongan dan kerjasama yang akan diberikan dapat menjadi pemangkin bagi mencapai agenda CEDI sebagai sebuah institut keusahawanan yang dihormati dan menjadi rujukan di kalangan IPTA/IPTS di Malaysia.

Turut hadir dalam Majlis Suaikenal dan Penyampaian Watikah Pelantikan ialah semua staf CEDI.

Tamat

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

smatb2017



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.